

# UPM ke-17 terbaik dunia dalam penarafan UI-Greenmetric

**Serdang:** Universiti Putra Malaysia (UPM) mencatat sejarah negara apabila tersenarai pada kedudukan ke-17 ranking terbaik dunia dalam penarafan UI-Greenmetric World University Ranking 2015 berdasarkan usaha kelestarian kampus dan pengurusan alam sekitarnya.

UPM yang membuat lonjakan tertinggi pada 2015 berbanding tempat ke-41 pada tahun sebelumnya turut mencatat sejarah apabila menduduki ranking pertama Asia berbanding kedudukan keempat tahun sebelumnya dalam keputusan yang disiaran pada 22 Januari lalu.

Penarafan itu berjaya menarik perhatian 407 universiti dari 66 negara berbanding 360 dari 62 negara pada tahun lalu.

Ranking itu adalah satu-satunya ranking yang mengukur komitmen setiap universiti dalam membangunkan infrastruktur mesra alam persekitaran.

Penarafan kelestarian alam sekitar itu mempunyai lebih daripada 40 indikator yang meliputi enam skop utama iaitu infrastruktur (15%), tenaga dan perubahan cuaca (21%), sisa buangan (18%), air (10%), pengangkutan (18%) dan pendidikan (18%).

Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris berkata, kejayaan itu adalah komitmen UPM terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar melalui pelbagai aktiviti pengajaran, penyelidikan, kurikulum dan sistem pengurusan kualiti.

“UPM mencatatkan peningkatan terutamanya dalam indikator pengangkutan dan infrastruktur seperti saiz dan infrastruktur keluasan kawasan hijau selain penggunaan tenaga yang cekap serta peningkatan fasiliti dan penggunaan basikal di kampus,” katanya.

Universiti dari Amerika Syarikat dan Eropah mewujud minasi ranking 16 teratas seperti tempat pertama iaitu University of Nottingham diikuti University of Connecticut, University of California, Davis; University College Cork National University of Ireland dan University of Oxford.

Buat tahun keenam berturut-turut, UPM mengetuai universiti di Malaysia dalam penarafan itu mendahului Universiti Malaya pada kedudukan ke-65 dunia (tahun lalu 72), Universiti Tunku Abdul Rahman 106 (93) dan Universiti Kebangsaan Malaysia 110 (118).